



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KEBAKARAN PENGINAPAN PEKERJA DI SETAPAK, KUALA LUMPUR: JABATAN TENAGA KERJA (JTK) KUALA LUMPUR MEMBERI JAMINAN PEMANTAUAN DAN PENYELESAIAN SEGERA

1. **Setapak, 24 Julai 2024** – Pada sekitar jam 9.03 pagi, satu insiden kebakaran telah berlaku di penginapan pekerja di kawasan tapak pembinaan di Setapak, Kuala Lumpur. Ketika kejadian, para pekerja sedang berada di tempat kerja masing-masing.
2. Pegawai-pegawai dari JTK Kuala Lumpur yang segera ke tempat kejadian mengesahkan bahawa penginapan tersebut disediakan oleh Penyedia Penginapan Berpusat (CLQ) yang telah mendapat Perakuan Penginapan daripada JTK. Sijil perakuan penginapan tersebut sah sehingga November 2024.
3. Penginapan tersebut mampu menampung seramai 225 orang pekerja. Jumlah pekerja yang menduduki penginapan tersebut pada masa kini adalah seramai 220 orang. Para pekerja ini terdiri daripada 150 warganegara Indonesia dan 70 warganegara Bangladesh.
4. Para pekerja yang terjejas telah ditempatkan sementara di dormitori yang berfungsi untuk kecemasan dan pihak majikan telah menyediakan semua kemudahan asas termasuk tilam, baju dan makanan kepada para pekerja terbabit. Majikan juga telah berjanji untuk membina semula penginapan yang terbakar dan memberi jaminan bahawa pekerja akan dipindahkan ke lokasi asal dalam tempoh sebulan.
5. Pihak JTK Kuala Lumpur akan menjalankan pemantauan rapi dalam tempoh 7 hari bagi memastikan majikan menyediakan kemudahan penginapan mengikut standard selaras Akta 446 dan jika majikan didapati gagal berbuat demikian, majikan akan diarahkan untuk menempatkan kesemua 220 pekerja tersebut di CLQ yang berdaftar.

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
27 JULAI 2024